

# Islah Sebagai Pendekatan Pembangunan Masyarakat: Kajian Terhadap Pemikiran Muhammad Rashid Rida

Norahida binti Mohamed<sup>1</sup>, Mohamad Zaidin bin Mat@Mohamad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>, Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, KUIPSAS, Kuantan, Pahang.

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA, Kuala Terengganu, Terengganu.

## Progres Artikel

Diterima: 7 Julai 2017

Disemak: 31 Ogos 2017

Diterbit: 2 September 2017

## \*Corresponding Author:

Norahida binti Mohamed, Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak Campus, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, MALAYSIA

Email:

[norahida@kuipsas.edu.my](mailto:norahida@kuipsas.edu.my)

**Abstrak:** Makalah ini mengupas tentang pemikiran islah Muhammad Rashid Rida dalam membangunkan masyarakat Islam. Objektif makalah ini adalah untuk mengenal pasti konsep islah menurut persektif Islam secara umum huraian konsep tersebut berdasarkan pemikiran beliau yang islamik, realistik dan futuristik. Makalah ini secara umumnya menyentuh mengenai konsep islah menurut perspektif Islam, latar belakang dan pemikiran Muhammad Rashid tentang faktor-faktor kelemahan umat Islam serta bagaimana islah dijadikan sebagai pendekatan dalam menangani permasalahan yang sedang dihadapi oleh umat Islam. Kajian terhadap pemikiran Muhammad Rashid Rida penting untuk melihat kesesuaian konsep islah yang dikemukakan sebagai pendekatan dalam membangunkan masyarakat Islam berdasarkan realiti ummah pada hari ini. Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan bagi meneliti dan menganalisis data-data daripada sumber primer dan sekunder. Data-data yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber akan disaring dan disusun sebelum dianalisis menggunakan metode deduktif. Makalah ini mendapati, konsep islah yang dibawa oleh tokoh kajian ini bagi menangani permasalahan umat Islam adalah relevan dengan situasi ummah pada hari ini. Kajian ini juga mendapati, semua pihak seperti kerajaan, rakyat, dan para cendekiawan perlu memainkan peranan yang signifikan bagi menyelesaikan permasalahan yang melanda umat Islam.

**Kata kunci:** Islah; Masyarakat; Pemikiran; Kelemahan; Pembangunan

**Abstract:** This paper discussed the Muhammad Rashid Rida's *Islah* thought in developing the Muslims community. The objective of this paper is to identify the concept of '*Islah*' according to Islamic perspective generally based on his based on his Islamic, realistic and futuristic thought. This paper generally explains the concept of '*Islah*' based on Islamic perspective, background and Muhammad Rashid Rida's thought on the weakness factors in Muslim society as an approach to overcome the problem faced by Muslim. This study on Muhammad Rashid Rida is important to see the suitability the concept of '*Islah*' as an approach in developing the Muslim community based on the reality of *ummah* nowadays. This study using qualitative approach through content analysis to examine and analyze data from primary and secondary sources. The data collected from various sources will be filtered and sorted before analyzed by using the deductive method. The paper found that the concept of reformation brought by this scholar in solving the problems faced by Muslim is relevant to the situation today. This study also found that all parties including the government, citizens, and intellectuals should play a significant role in solving the problems facing by the Muslims.

**Keywords:** Islah; society; thought; development

## Pengenalan

Muhammad Rashid Rida merupakan salah seorang tokoh islah yang berpengaruh ketika di ambang kejatuhan khilafah Islamiyah. Latar belakang keluarga dan pendidikan serta pengalaman hidup yang beliau tempuhi telah memberi kesan terhadap pembentukan keperibadian dan pemikiran beliau dalam perjuangan islahnya. Sebagai salah seorang tokoh yang memperjuangkan kebangkitan peradaban Islam, beliau telah mengemukakan pemikiran dalam pelbagai aspek melalui majalah *al-Manar*. Antara pemikiran beliau yang penting ialah berkaitan kemasyarakatan yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada umat Islam untuk memperbaiki kelemahan yang sedang dihadapi.

Sebagaimana yang kita ketahui, pada abad ke-19 dan 20, umat Islam berhadapan dengan pelbagai konflik. Krisis yang berlaku ketika itu bukan hanya disebabkan oleh penjajahan Barat, malah krisis dalaman umat Islam itu sendiri menambahkan lagi kelemahan yang sedia ada. Pergolakan yang membawa pelbagai masalah dan kacau-bilau ini telah mendorong Muhammad Rashid Rida mencari jalan penyelesaian terhadap kemelut yang melanda umat Islam ketika itu.

## Pengertian Islah

Islah berasal daripada perkataan bahasa Arab الإصلاح, bentuk *masdar* (infinitif) dari kata akar أصلح-يصلح-إصلاح, yang diambil dari komponen dasar صلح-ح dan diertikan oleh Ibnu Manzur dalam *Lisan Al-Arab* sebagai antonim kepada kerosakan (فساد) yang bermaksud menghilangkan kerosakan atau mendirikan semula sesuatu yang telah runtuh atau rosak (Ibn Manzur, 1990).

Al-Khalil al-Nahwi (1991), islah membawa maksud memperbaiki kerosakan atau menghilangkan permusuhan dan perpecahan dalam kalangan manusia atau memperindah sesuatu. Islah menurut Kamus Dewan (2005) pula bermaksud usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan kepada suatu keadaan yang betul, tepat dan sesuai serta penyelesaian perbalahan dengan jalan baik atau dengan jalan damai.

Dalam al-Quran, proses islah mempunyai tiga peringkat iaitu islah kepada diri, islah dalam hal-hal kekeluargaan dan juga islah sebagai tema dan ciri sesebuah masyarakat. Islah juga merupakan tema asasi perutusan para nabi dan rasul. Konsep islah dalam Islam ini bukan tertumpu kepada kerja amar makruf nahi mungkar dalam isu-isu moral ataupun ritual semata-mata tetapi ia mencakupi usaha penambahbaikan yang menyentuh kerangka yang paling asas iaitu peringkat individu sehinggalah kepada urusan pemerintahan (Maszlee Malik, 2014).

Konsep islah dari sudut istilah pula bererti satu usaha untuk memperbaiki keadaan umat Islam yang telah rosak dan menyeleweng daripada ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW dengan cara mengajak umat

Islam kembali kepada tahap umat Islam dalam generasi awal Islam dahulu, di bawah pimpinan dan bimbingan Rasulullah SAW atau sekurang-kurangnya menghampiri tahap dan keadaan generasi tersebut (Abdul Rauh Yaacob, 2006).

## Latar Belakang Kehidupan Dan Pendidikan Muhammad Rashid Rida

Nama penuh beliau ialah Muhammad Rashid bin Ali Rida bin Muhammad Syamsuddin bin Baha' al-Din bin Munla Ali Khalifa al-Qalamun al-Baghdadi al-Husayni (Muhammad bin Abdullah al-Salman, 1988). Sewaktu kecilnya, Muhammad Rashid Rida digelar Abu Muhammad Syafii dan kadang-kadang dipanggil juga Abu Abdillah (Maidir Harun, 1989). Beliau dilahirkan pada 27 Jamadilawal tahun 1282H bersamaan 23 September 1865 di daerah Qalamun, iaitu sebuah perkampungan kecil yang terletak di Pinggir Laut Tengah berhampiran Bukit Lubnan lebih kurang tiga kilometer dari Tripoli, Syria ((Muhammad bin Abdullah al-Salman, 1988).

Pendidikan awal yang diperoleh Muhammad Rashid Rida bermula di rumah dengan mendapat tarbiyah langsung daripada ibu bapanya (Mustaffa Abdullah, 2009). Sebagai seorang ulama terkemuka dan imam di masjid Qalamun, bapa beliau sangat mementingkan pendidikan anak-anaknya. Beliau mengajar anak-anaknya hafazan al-Quran dan asas-asas membaca, menulis dan mengira. Selain itu, Muhammad Rashid Rida juga banyak mewarisi kecerdikan dan akhlak bapanya. Bapanya seorang yang mempunyai ingatan yang kuat, fasih lidahnya dan sangat berani (al-'Adawi, t.th).

Pendidikan formal yang diterima oleh Muhammad Rashid Rida pula bermula di *kuttab* yang terletak di Qalamun (al-'Adawi, t.th). Di sini, beliau belajar membaca al-Quran, khat serta mempelajari nahu dan asas-asas matematik serta menghafal beberapa juzuk al-Quran (Mustaffa Abdullah, 2009). Muhammad Rashid Rida juga telah menampakkan keistimewaannya di sekolah ini. Beliau memiliki otak yang cerdas dan sangat menjaga hafazan al-Quran walaupun gurunya tidak memintanya mengulang apa yang dihafal. Antara surah yang dihafal oleh Muhammad Rashid Rida di peringkat ini ialah Surah *al-Baqarah*, *Ali Imran*, *al-Nisa'* dan *al-Maaidah* (Ahmad al-Sharabasi, 1970).

Beliau kemudiannya memasuki Madrasah al-Ibtida'iyah al-Rasyidiyyah, Tripoli. Di sini, beliau telah mempelajari beberapa mata pelajaran seperti nahu, saraf, akidah, matematik, geografi, bahasa Turki dan lain-lain. Akan tetapi, Muhammad Rashid Rida berasa tidak selesa dengan pembelajaran di sekolah tersebut. Hal ini kerana, sekolah tersebut ditubuhkan bertujuan untuk mendidik calon pegawai pemerintah Kerajaan Uthmaniyyah. Akhirnya beliau keluar dari madrasah ini. Ada pendapat mengatakan bahawa Muhammad Rashid Rida hanya

sempat belajar selama setahun dan ada pula pendapat yang mengatakan lebih dari setahun (Mustaffa Abdullah, 2009; Ahmad al-Sharabasi, 1970); Muhammad bin Abdullah al-Salman, 1988).

Akhirnya, pada tahun 1299H/1882M, Muhammad Rashid Rida memasuki Sekolah Kebangsaan Islam (*al-Madrasah al-Wataniyyah al-Islamiyyah*) di Tripoli yang merupakan sekolah terbaik pada masa itu. Bahasa Arab digunakan sebagai bahasa pengantar untuk menyampaikan mata pelajaran kecuali mata pelajaran bahasa Turki dan Perancis (Mustaffa Abdullah, 2009; Harun Nasution, 1975). Sekolah ini dipimpin oleh ulama besar Syria ketika itu, iaitu Syeikh Husayn al-Jisr yang banyak mempengaruhi perkembangan pemikiran Muhammad Rashid Rida. Di sini beliau mempelajari ilmu mantik, bahasa Arab, sains tabii, matematik dan ilmu falsafah. Sekolah ini juga mempunyai sistem pendidikan yang mengintegrasikan ilmu moden dan ilmu agama (Farid Mat Zain, 1999).

Syeikh Husayn al-Jisr telah mendirikan *Madrasah al-Wataniyyah al-Islamiyyah* dalam usaha untuk menandingi tarikan dan pengaruh sekolah Kristian yang mula muncul ketika itu. Penubuhan madrasah ini juga didorong oleh pandangannya bahawa umat Islam tidak akan maju jika tidak mempunyai asas yang kukuh dalam ilmu agama dan ilmu sains seperti yang telah berkembang di Eropah. Ini menunjukkan bahawa Syeikh Husayn al-Jisr ialah seorang ulama yang memiliki pandangan yang progresif dan realistik serta idealistik (Maidir Harun, 1989).

Syeikh Husayn al-Jisr merupakan seorang ulama yang menjadi pembimbing Muhammad Rashid Rida. Beliau secara khusus memberi bimbingan sejak Muhammad Rashid Rida berada di tahun pertama pengajian. Al-Jisr melihat kepintaran luar biasa yang dimiliki anak muridnya itu. Al-Jisr juga pernah memberitahu kepada Sayyid Ali Affandi bahawa seseorang telah datang kepadanya menuntut ilmu, kepintarannya sama dengan pelajar yang sudah berada di tahun ketujuh (Mappanganro, 1989).

Muhammad Rashid Rida juga sendiri menganggap al-Jisr adalah gurunya yang pertama dan tiada yang sepertinya dalam ilmu, amal dan reputasinya. Guru pertama yang dimaksudkan di sini ialah guru yang memberikannya idea-idea moden dan pendidikan moden dalam institusi pendidikan formal yang moden. Moden yang dimaksudkan di sini ialah sesuai dengan tuntutan pada masa tersebut (Mappanganro, 1989).

Penubuhan sekolah yang didirikan oleh Syeikh Husayn al-Jisr telah menerima tentangan dari Kerajaan Uthmaniyah. Oleh sebab itu, Kerajaan Uthmaniyah telah melakukan pelbagai usaha untuk menutup sekolah ini. Salah satu alasan pemerintah Kerajaan Uthmaniyah untuk menutup sekolah ini adalah kerana pelajar-pelajarnya enggan dan menolak untuk mengikuti latihan ketenteraan.

Sedangkan ketika itu, Kerajaan Uthmaniyah lebih mementingkan urusan ketenteraan dan pertahanan negara daripada urusan pendidikan dan ilmu pengetahuan. Walaupun *Madrasah al-Wataniyyah al-Islamiyyah* ini ditutup, pengaruh Syeikh Husayn al-Jisr sangat besar dalam mempengaruhi diri dan perkembangan pemikiran Muhammad Rashid Rida (Maidir Harun, 1989; Ahmad al-Sharabasi, 1970).

Selepas itu, Muhammad Rashid Rida menyatakan keinginannya kepada ibu bapanya untuk belajar di Beirut. Tetapi, hasratnya tidak mendapat restu daripada orang tuanya kerana khuatir terhadap pengaruh negatif kehidupan di kota seperti Beirut (Maidir Harun, 1989). Akhirnya, beliau meneruskan pengajiannya di Madrasah al-Rahbiyyah dan di rumah gurunya di Tripoli. Setelah lapan tahun menuntut ilmu, akhirnya pada tahun 1315H, beliau dianugerahkan oleh gurunya *ijazah 'Alamiyyah* (Mustaffa Abdullah, 2009). Kemudian, beliau telah meneruskan pengajiannya dengan mempelajari ilmu-ilmu tertentu daripada beberapa ulama terkemuka di Tripoli sesuai dengan kepakaran ulama tersebut. Antaranya, beliau mempelajari ilmu bahasa Arab dan sastera serta tasawuf daripada Syeikh Abd al-Ghani al-Raffi dan Syeikh Muhammad al-Qauqaji. Sementara ilmu hadis dan fiqh Imam Syafii dipelajari daripada Syeikh Mahmud Nasyabah. Muhammad Rashid Rida turut berguru dengan Syeikh Muhammad al-Husaini dan Syeikh Kamil al-Raffi dalam mendalami ilmu usul fiqh dan mantiq (Muhammad bin Abdullah al-Salman, 1988; Safiah binti Abdul Razak, 2004).

Muhammad Rashid Rida juga mendalami ilmu pengetahuan melalui pembacaan. Antara buku yang dibaca dan dikaji oleh Muhammad Rashid Rida ialah buku-buku bahasa dan kesusasteraan, buku-buku agama yang berkaitan dengan tauhid, tasawuf, tafsir, buku-buku tentang ilmu mantik dan sains sosial, buku berkaitan dengan ilmu moden, buku-buku bukan berkaitan dengan agama Islam, surat khabar serta pelbagai majalah yang diterbitkan ketika itu (Muhammad bin Abdullah al-Salman, 1988). Dalam masa yang sama, beliau juga membuka kelas pengajian kepada masyarakat. Kecekapan dan kepakaran beliau dalam menyampaikan pengajian agama dikagumi dan dihormati oleh masyarakat termasuk pejabat pemerintah Kerajaan Uthmaniyah. Dalam kelas pengajiannya, Muhammad Rashid Rida sering menekankan agar umat Islam tidak terjerumus kepada amalan-amalan yang boleh membawa kepada bidaah, khurafat dan jumud (Maidir Harun, 1989; al-'Adawi, t.th).

Muhammad Rashid Rida mula aktif mengikuti perkembangan dunia Islam melalui majalah *al-'Urwah al-Wuthqa* yang dipimpin oleh Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad Abduh. Idea-idea pembaharuan Islam yang dikemukakan oleh kedua-dua tokoh ini amat mempengaruhi pemikiran beliau. Lantaran itu, beliau

menyimpan hasrat untuk bertemu dengan kedua-dua tokoh tersebut. Tetapi, beliau hanya dapat bertemu dengan Muhammad Abduh apabila Muhammad Abduh datang ke Syria. Perjumpaan Muhammad Rashid Rida dengan Muhammad Abduh lebih kerap diadakan sekembalinya Abduh dari Perancis dan beliau menetap di Beirut untuk mengajar di Madrasah al-Sultaniyah di antara tahun 1885 – 1889 (Mustaffa Abdullah, 2009).

Pada tahun 1896, Muhammad Rashid Rida telah meninggalkan Syria menuju ke Mesir untuk berguru dengan Muhammad Abduh. Pemergian Muhammad Rashid Rida ke Mesir bukan semata-mata sebagai seorang murid, tetapi dianggap sebagai bentuk gabungan tenaga dengan Muhammad Abduh untuk mencapai matlamat gagasan Islam terhadap umatnya (Ahmad al-Sharabasi, 1970).

Penguasaan Muhammad Rashid Rida terhadap ilmu ini telah menjadikannya seorang tokoh islah yang multi profesi. Selain sebagai ulama, da'i dan pendidik yang terkenal dengan keilmuannya yang luas dan mendalam terutama dalam bidang tafsir, hadis, sastera dan sejarah, beliau juga merupakan seorang penulis yang produktif dan ahli politik yang berwibawa (Muhammad bin Abdullah al-Salman, 1988).

### Faktor-Faktor Kelemahan Umat Islam

Muhammad Rashid Rida telah menggambarkan faktor-faktor kelemahan umat Islam dengan begitu telus dan teliti dalam Majalah *al-Manar*. Kelemahan yang menyelubungi umat Islam ketika itu meliputi semua aspek iaitu ekonomi, politik, agama dan sosial. Masyarakat Islam pada zaman tersebut juga agak jauh ketinggalan dalam aspek kekayaan, kesenangan hidup, kemurahan rezeki, kekuasaan, kepimpinan dan sebagainya jika dibandingkan dengan masyarakat lain (Darniqah, 1989).

Antara faktor yang menyebabkan kemunduran tersebut ialah berlakunya keruntuhan akhlak dalam kalangan umat Islam. Beliau menggambarkan keadaan akhlak masyarakat Islam ketika itu adalah seperti berikut:

*“Umat Islam telah rosak akidah dan akhlak mereka. Umat Islam juga telah meninggalkan ibadah-ibadah serta mengharuskan segala perkara yang diharamkan. Terdapat kumpulan yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang menjadikan manusia terpesona dengan segala kejahatan dan perkara keji dengan nama tajdid (pembaharuan) dan ketamadunan.”* (Darniqah, 1989)

Muhammad Rashid Rida menyifatkan akhlak yang buruk itu adalah “penyakit sosial” yang telah menular ke dalam diri tanpa disedari umat Islam. Di sinilah letaknya tanggungjawab *muslih* untuk menjelaskan kepada umat Islam tentang “penyakit-penyakit” tersebut yang boleh mematikan umat Islam dan menjejaskan kemajuan dan pembangunan. Beliau menegaskan kerosakan yang

menyelubungi diri umat Islam sebenarnya tidak disedari oleh mereka. Masalah yang melanda umat Islam diibaratkan seperti sel-sel pokok atau buah yang terdedah kepada kerosakan tetapi kita tidak mengetahui tentang kerosakan tersebut sehinggalah pokok atau buah tersebut telah rosak keseluruhannya sehingga tidak lagi dapat diselamatkan. Justeru, beliau melihat golongan agama perlu bertanggungjawab menjelaskan kepada masyarakat tentang kepentingan akhlak yang mulia bagi memelihara kesejahteraan masyarakat (Darniqah, 1989).

Muhammad Rashid Rida juga berpendapat kezaliman yang wujud dalam masyarakat Islam juga salah satu penyebab kemunduran umat Islam. Menurut beliau, kezaliman akan merosakkan akhlak dan melemahkan jiwa manusia. Kezaliman juga akan menghapuskan dakwah amar ma'ruf dan nahi mungkar dan amalan yang mengajak umat Islam tolong menolong atas dasar taqwa. Sebaliknya, kezaliman akan mendorong umat Islam tolong menolong atas dasar permusuhan yang semakin berleluasa dalam masyarakat (Darniqah, 1989).

Antara yang dilakukan oleh mereka yang zalim adalah melemahkan dan merosakkan semangat kerjasama yang menjadi ikatan antara umat Islam. Tiadanya kerjasama dalam masyarakat Islam akan mengakibatkan masyarakat tidak prihatin terhadap apa yang berlaku kepada seseorang individu atau umat Islam yang lain. Apabila keadaan ini berlaku, umat Islam seperti umat yang “mati” yang tidak mampu memberi respon terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya. Umat yang “hidup” menurut Muhammad Rashid Rida seperti satu jasad yang mengerahkan segala kekuatannya untuk membantu setiap individu yang ditimpa kesusahan. Jika sesebuah masyarakat Islam lain ditimpa kezaliman, umat Islam akan segera mempertahankannya sehinggalah orang yang zalim akan musnah (Darniqah, 1989).

Umat Islam ketika itu juga menghadapi masalah perpecahan sesama mereka. Menurut Muhammad Rashid Rida, antara faktor yang menyebabkan perpecahan umat Islam ialah taasub kepada mazhab yang dianuti (Mustaffa Abdullah, 2005). Dunia Islam pernah menyaksikan gelombang besar dalam arus pemikiran mazhab-mazhab fiqh yang tidak dipelajari dengan betul, sehingga menimbulkan rasa resah, kelam-kabut dan kucar-kacir dalam masyarakat. Sesuatu yang dahulunya bersifat akademik, tidak menjadi akademik lagi apabila ilmuwan gagal memahami dengan betul tabiat ijtihad yang diproses melalui pemikiran manusia, atau apabila sesuatu pemikiran itu dicernakan dengan semangat taksub yang menutup mata dari melihat kebenaran pada orang lain (Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor, 2010). Beliau berpendapat, masalah perselisihan mazhab ini bukan hanya melibatkan soal agama tetapi akan memberi kesan kepada persoalan kemasyarakatan, ekonomi dan politik (Mustaffa Abdullah, 2005).

Perpecahan umat Islam ketika itu juga berlaku disebabkan konflik dalam pemikiran berkaitan isu kemajuan ummah. Konflik ini telah menyebabkan umat Islam juga pada ketika itu telah berpecah kepada tiga kumpulan. Golongan tersebut ialah kelompok konservatif yang hanya membanggakan masa lalu umat Islam dan menolak apapun dari barat. Golongan ini juga berpandangan pemikiran Barat tersebut akan menggugat keteguhan akhlak dan akidah umat Islam dan seterusnya akan membawa kemusnahan kepada orang Timur (Darniqah, 1989).

Kemelut ini memperlihatkan golongan konservatif yang menolak pembaharuan serta yang menghalang umat Islam mempelajari ilmu-ilmu moden menganggap golongan sekular ini sebagai boneka yang diperalatkan oleh Barat bagi memudahkan penguasaan mereka ke atas negara Islam. Ini diburukkan lagi dengan peribadi mereka yang suka memutarbelitkan ajaran agama dan memesongkan ajaran agama yang sebenarnya. Mereka juga berpendapat golongan pro-Barat yang mengagungkan bahasa serta ilmu-ilmu daripada bangsa asing terutama Eropah cuba menyebarkan fahaman yang boleh menggugat akidah, pemikiran, adat serta akhlak umat Islam (Darniqah, 1989).

Golongan kedua ialah kelompok sekular yang menolak hukum Islam kerana menganggap ajaran Islam menghalang kemajuan. Golongan yang terpengaruh dengan pemikiran Barat ini melihat asas kepada kemajuan dan ketamadunan ialah apabila umat Islam berjaya membuat perubahan mengikut dan meniru segala bentuk kemodenan yang datang dari Barat serta mengambil nilai-nilai barat tanpa tapisan. Mereka juga mengkritik golongan konservatif kerana sikap mereka yang fanatik, jahil, khurafat dan menolak semua kemajuan dan ketamadunan (Darniqah, 1989).

Golongan ketiga pula ialah kelompok reformis yang berusaha menghidupkan kembali kejayaan umat Islam dan bersedia mengambil nilai-nilai dari barat yang positif. Mereka mengambil jalan pertengahan dengan memilih pendapat yang sesuai dan berguna dari kedua belah pihak yang boleh membawa kepada kebaikan untuk ummah. Menurut mereka, umat Islam perlu mempelajari segala ilmu yang memberi manfaat dalam mengembalikan kekuatan dan kemuliaan ummah walaupun ilmu tersebut datang daripada Barat. Umat Islam bebas untuk mengambil apa sahaja yang. Matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya umat Islam menentang kemajuan dan mengeneipkan syariat Islam yang menjadi dasar kepada pembinaan peradaban Islam (Darniqah, 1989).

Muhammad Rashid Rida turut menyentuh mengenai masalah sosial yang melanda umat Islam. Dalam menganalisis permasalahan sosial umat Islam ketika itu, beliau mendapati umat Islam dari setiap lapisan masyarakat ketika itu diselubungi maksiat dan sifat-sifat mazmumah seperti jahil, hasad dengki, rasuah, munafik,

khianat, dusta, sombong dan sebagainya. Dalam hal ini, Muhammad Rashid Rida telah menjelaskan sifat mazmumah ini boleh menghancurkan serta meruntuhkan kekuatan umat Islam, menjatuhkan kehebatannya dan menghilangkan kewujudannya. Daripada sebuah bangsa atau masyarakat yang merdeka dan bermaruah, ia menjadikan umat Islam tunduk di hadapan bangsa asing dan dipergunakan oleh bangsa asing. Akhirnya jadilah umat Islam seperti hidangan lazat yang diterkam oleh mereka yang pelahap. Mereka berkumpul di sekeliling hidangan itu untuk mereka berkongsi dan menghabiskannya. Sifat mazmumah ini juga menjadikan umat Islam tidak dapat melihat kebaikan dan kemuliaan yang ada pada ummah yang seagama dengannya. Mereka juga melihat umat Islam seolah-olah menjadi ummah yang tidak mungkin menjadi ummah yang terbaik sebagaimana yang disebut dalam al-Quran (Darniqah, 1989).

Perkara lain yang juga menyebabkan kemunduran umat Islam menurut Muhammad Rashid Rida adalah ketidakmampuan umat Islam dalam mengintegrasikan ajaran-ajaran spiritual agama dengan masalah duniawi. Sekiranya umat Islam mampu memahami ajaran agamanya dengan baik dan mematuhi, umat Islam akan mampu mencapai kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan (Harun Nasution, 1975).

Ilmu dan pendidikan adalah antara faktor yang telah membentuk kegemilangan peradaban Islam pada masa lalu. Menurut Ibn Khaldun, tanda kemajuan sesuatu peradaban adalah berkembangnya ilmu pengetahuan seperti fizik, kimia, astronomi, perubatan, dan sebagainya. Bahkan, maju mundurnya sesuatu peradaban adalah sangat berkaitan dengan maju mundurnya ilmu pengetahuan. Ibn Khaldun memerhatikan bahawa umat Islam mendapat kedudukan yang mulia dan tinggi dalam dunia ini apabila mereka mampu berfikir dan mempunyai ilmu pengetahuan disertai dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Namun, ilmu pengetahuan tidak mungkin akan berkembang tanpa adanya golongan masyarakat yang aktif mengembangkannya melalui pendidikan (Muhammad 'Uthman El-Muhammady, 2007).

Muhammad Rashid Rida juga berpendapat kemunduran umat Islam disebabkan pengabaian ulama terhadap tanggungjawab mereka dalam usaha untuk membimbing dan mendidik masyarakat. Kelesuan para ulama dikenal pasti berpunca daripada beberapa faktor, antaranya kefahaman ilmu yang sempit dan tidak dapat memenuhi keperluan zaman serta tidak menguasai ilmu moden yang merupakan asas kekuatan negara-negara maju. Kenyataan ini dapat dilihat menerusi kata-kata beliau:

*“Kamu telah menzalimi diri kamu sendiri lantaran tidak melihat kepada keperluan ummah dan negara kini yang sangat memerlukan cedokan ilmu pengetahuan dan*

*kesenian. Apa yang perlu dilakukan oleh kamu adalah menjaga martabat dan status pengajaran dan pendidikan untuk diri kamu. Sekiranya kamu melihat kepada perkara tersebut, nescaya kamu akan segera mempelajari semua jenis ilmu pengetahuan dan kesenian yang amat diperlukan oleh umat dan negara demi menjaga maruahnyanya pada zaman ini. Seterusnya, kamu juga akan bersungguh-sungguh dalam menguasainya seiring dengan ilmu-ilmu agama yang dapat memelihara akhlak, harta benda dan kehormatan diri secara menyeluruh”.* (Mustaffa Abdullah, 2004; al-Marakisyi, 1985).

## Islah Dalam Pembangunan Masyarakat

Berdasarkan kepada beberapa permasalahan sosial yang mencengkam umat Islam ketika itu, muncul beberapa golongan yang tampil untuk memberi cadangan bagi mengislahkan masyarakat Islam secara keseluruhannya. Ada sebahagian masyarakat yang melihat bahawa kejayaan dalam mengislahkan masyarakat dan masalah sosial ini adalah bergantung kepada keupayaan kerajaan atau pemimpin. Sementara kelompok lain pula mengatakan bahawa penindasan pemerintah terhadap rakyat telah menyebabkan krisis sosial di kalangan umat Islam. Justeru pada pandangan mereka, rakyat mesti menentang penindasan yang telah dilakukan oleh kepimpinan tersebut (Darniqah, 1989).

Namun begitu, Muhammad Rashid Rida melihat penyelesaian yang berlainan daripada pendapat-pendapat tersebut. Menurut beliau, hanya mereka yang terdidik dan terpelajar sahaja mampu untuk mengislahkan pemerintahan yang sudah *fasid*. Oleh kerana itu, usaha untuk membentuk masyarakat yang *muslih* perlu dilaksanakan terlebih dahulu. Ummah yang tidak bersedia untuk menentang musuhnya dengan menggunakan segala kekuatan seperti yang diperintahkan oleh Allah atau seperti yang diperlukan oleh masyarakat, maka usaha tersebut akan sia-sia dan tidak berjaya. Justeru, beliau mencadangkan agar pemerintah dan rakyat perlu bersatu padu dan bekerjasama dalam menangani masalah sosial serta merealisasikan matlamat yang ditetapkan (Darniqah, 1989).

Tegas beliau lagi, sebaik-baik jalan untuk melaksanakan islah ialah adanya kesepakatan antara kerajaan dengan rakyat. Pemerintah mempunyai kuasa dan kekuatan untuk melakukan pengislahan. Sekiranya situasi ummah dalam keadaan yang harmoni dan sejahtera, maka barulah masyarakat Islam mampu mewujudkan pemerintahan yang berwibawa. Ini kerana orang yang soleh hanya akan memilih pemerintah yang soleh. Sekiranya kerja-kerja islah masyarakat dilaksanakan tanpa sokongan pemerintah, kesan untuk mengubah masyarakat ke arah yang lebih baik akan mengambil masa yang panjang. Tetapi, jika kerajaan memainkan peranan utama dalam melaksanakan pengislahan, sudah tentu objektif pengislahan akan dapat

direalisasikan dalam tempoh yang singkat (Darniqah, 1989).

Muhammad Rashid Rida juga menyeru kepada para ulama dan pemikir agar memainkan peranan mereka dalam membentuk masyarakat Islam yang berilmu. Beliau menegaskan bahawa tidak ada kemuliaan pada ilmu dan amal melainkan jika ilmu dan amal tersebut memberi manfaat kepada umat (Darniqah, 1989).

Selain daripada itu, Muhammad Rashid Rida pernah menyebut bahawa kebangkitan umat bertitik tolak daripada prinsip al-Quran yang akan mengerah dan mengarah seluruh kekuatan akal dan jasad untuk kesempurnaan jiwanya dan kesejahteraan bangsanya. Revolusi itu akan membebaskan akal insani dan kemanusiaan daripada perhambaan yang dicipta oleh orang-orang yang menganggap dirinya memiliki sifat rabbani. Revolusi kemanusiaan seperti itu hanya mungkin terjadi melalui prinsip al-Quran. Oleh itu, al-Quran merupakan lambang dan suntikan kepada revolusi dalaman untuk membina umat yang mulia (Mohd Rumaizuddin Ghazali, 2013).

Agama Islam menurut Muhammad Rashid Rida mempunyai pedoman dan panduan yang terbaik untuk membentuk keluhuran akhlak bagi memperoleh kemaslahatan ummah segajit. Golongan agamawan mesti membawa dan memeliharanya dengan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan menerangkan perintah dan larangan yang terdapat dalam agama Islam, menyeru manusia ke arah kebaikan dan sentiasa mengingatkan mereka yang lalai. Jika mereka tidak mengambil berat terhadap amanah untuk melaksanakan tanggungjawab ini, akan lemahlah keyakinan dalam jiwa manusia, bingunglah akal mereka untuk memahami akidah Islam, gelaplah pandangan hati disebabkan kelalaian dan akan bermaharajalelalah nafsu-nafsu kebinatangan (Darniqah, 1989).

Ini kerana agama Islam menjamin hak-hak kemanusiaan dari segi persamaan, keadilan dan kebebasan di dalam batas-batas syariat yang telah ditetapkan. Sebagai umat terbaik yang menyeru kepada kebaikan serta mencegah kemungkaran, ajaran agama yang terdapat dalam al-Quran mestilah menjadi panduan dalam memelihara kemaslahatan umat Islam dalam semua aspek kehidupan (Darniqah, 1989).

Menurut Muhammad Rashid Rida, Islam sebenarnya mengandungi ajaran yang menyuruh umatnya agar berusaha untuk mengubah kehidupan mereka. Orang Islam juga disuruh bersikap aktif. Unsur dinamika dan sikap aktif itu terkandung dalam pengertian jihad yang bermaksud berusaha keras dan sedia memberi pengorbanan harta bahkan juga jiwa demi mencapai cita-cita perjuangan. Fahaman jihad serupa inilah yang membawa umat Islam pada zaman keagungannya sehingga dapat menguasai dunia. Konsep jihad yang ada dalam Islam dilaksanakan dengan cara yang berbeza dari

bangsa Eropah. Orang Eropah aktif dan dinamis setelah mereka melepaskan diri dari keterikatan agama dan menggantikannya dengan semangat kebangsaan, sedangkan bagi umat Islam, sikap aktif dan dinamis itu diperoleh dari ajaran Islam itu sendiri. Untuk itu, Muhammad Rashid Rida menganjurkan agar sikap berputus asa yang membuat umat Islam menyerah pada nasib itu ditinggalkan dan diganti dengan jihad (Harun Nasution, 1975).

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Muhammad Rashid Rida telah menganalisis kelemahan yang dihadapi oleh umat Islam dengan begitu teliti. Isu-isu yang berkaitan dengan kelemahan umat Islam yang dinyatakan dalam artikel ini hanyalah sebahagian kecil yang dikemukakan oleh beliau dalam majalah *al-Manar*. Sebenarnya, beliau telah mengupas secara mendalam faktor-faktor yang menyumbang kepada kemerosotan peradaban Islam yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Sehubungan dengan itu, setelah melihat permasalahan umat Islam yang semakin menggugat kekuatan umat Islam, beliau memberikan cadangan penyelesaian dengan merujuk kepada pengislahan berteraskan al-Quran dan al-Sunnah yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak.

Dalam al-Quran, kaedah untuk melaksanakan islah dinyatakan dengan jelas yang antaranya dengan jalan membimbing manusia kepada penyatuan ummah dan penghapusan taasub serta menghilangkan perbezaan-perbezaan yang menjauhkan mereka melalui pemahaman bahawa mereka semua berasal daripada Adam, maka tidak ada suatu kaum yang lebih utama dari kaum lainnya dan tidak ada seorangpun yang lebih utama dari selainnya kecuali dengan ketakwaannya (al-Zarqani, 1995). Kerana itu, kita melihat Muhammad Rashid Rida kadang-kadang mengemukakan peringatan yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah tentang sebab-sebab kelemahan umat Islam dan cara untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku.

Jelaslah di sini bahawa pemikiran-pemikiran yang dikemukakan oleh Muhammad Rashid Rida merupakan hasil daripada pengamatan dan kesedaran beliau terhadap keperluan umat Islam untuk bangkit semula sebagai *khaira* ummah. Islah dan tajdid juga adalah satu keperluan umat di seluruh negara lebih-lebih lagi ketika umat Islam sedang menghadapi kelemahan.

## Rujukan

Abdul Hayei Abdul Sukor. (2010). Dr. "Pertembungan Tanggapan Dalam Penilaian ESQ Leadership Training Sebagai Contoh", diakses pada 11 Disember 2016 daripada <http://www.drhayei.com/2010/07/pertembungan-tanggapan-dalam-penilaian.html>.

- al-'Adawi, Ibrahim Ahmad. (t.th) *Rashid Rida al-Imam al-Mujahid*, Kaherah: al-Muassasat al-Misriyyah al-'Amah.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukram. (1990). *Lisan al-Arab*. Jil.2. Beirut: Dar Sader.
- Darniqah, Ahmad Muhammad. (1989). *al-Sayyid Muhammad Rashid Rida: Islahatuhu al-Ijtima'iyah wa-al-Diniyyah*. Tripoli: Dar al-Iman.
- Farid Mat Zain. (1999). Muhammad Rashid Rida: Peranannya Terhadap Kebangkitan Islam di Mesir. *Jurnal Pengajian Arab dan Tamaddun Islam*. Bil./No.1.
- Harun Nasution. (1975). *Pembaharuan dalam Islam Sejarah Pemikiran dan Gerakan*. Jakarta: Penerbitan Bulan Bintang.
- Kamus Dewan. (Edisi Keempat). (2005), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Khalil al-Nahwi. (1991). *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Muyassar*. Tunis: Larus.
- Maidir Harun. (1989). Khilafah Menurut Rasyid Rida dan Relevansinya dengan Masyarakat Islam Moden, Tesis Program Sarjana IAIN Syarif Hidayatullah. Jakarta. (unpublished)
- Mappanganro. (1989). Pemikiran Rasyid Ridha Tentang Pendidikan Formal Sebagai Terkandung Dalam al-Manar dan Buku-Bukunya. Disertasi Fakultas Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Al-Marakisyi, Muhammad Salih, *Tafkir Muhammad Rashid Rida Min Khilaf Majallat al-Manar 1898-1935*, (Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah Li al-Nashr, 1985), hlm. 109-110.
- Maslee Malik, Dr. (2014) *Menuju Sejahtera Meraih Bahagia*, Selangor: Grup Buku Karangkrak Sdn. Bhd.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali, (16 November 2013). "Interaksi Terbaik Dengan al-Quran" Sempena Nuzul Quran. Diperoleh 19 Oktober 2016. daripada <http://www.mindamadani.my/artikel/bicara-haraki/item/136-nuzul-al-quran.html>.
- Muhammad bin Abdullah al-Salman. (1988). *Rashid Rida Wa Da'wah al-Sheikh Muhammad bin Abd al-Wahhab*. Kuwait: Maktabah al-Ma'ala.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady, (14 November 2013) "Mengislah Ummah Awlawiyyat Gerakan Islam", diakses pada 27 Ogos 2015 daripada <http://www.mindamadani.my/content/view/20/6/>.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady. (2007). "Ibn Khaldun dan Pemerkasaan Budaya dan Tamadun dengan Merujuk kepada al-Muqaddimah", <[http://www.geocities.com/traditionalislam/Ibnkhaldun\\_PemerkasaanBudaya.htm](http://www.geocities.com/traditionalislam/Ibnkhaldun_PemerkasaanBudaya.htm)> (11 Julai 2008)
- Mustaffa Abdullah. "Beberapa Aspek Pembaharuan Muhammad Rashid Rida dan Sumbangannya

- Kepada Pembangunan Ummah” dlm. *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*. Mohd Fauzi Hamat et.al. (sunt.). Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.
- Mustaffa Abdullah, (2005). Ketokohan Sayyid Muhammad Rashid Rida Dalam Bidang Tafsir: Tumpuan Utama Kepada Tafsir al-Manar. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mustaffa Abdullah. (2009). *Rasyid Rida Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Safiah binti Abdul Razak. (2004). Muhammad Rasyid Redha dan Sumbangannya dalam Kebangkitan Islam. *al-Sirat*, Jil. 2. Bil. 5.
- al-Sharabasi, Ahmad. (1970). *Rashid Rida Shahib al-Manar 'Asruhu wa Hayatuhu wa Masadir Thaqafatuhu*. Kaherah: Majlis al-A'la al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Al-Sharabasi, Ahmad. (1977). *Rashid Rida al-Sihafiyy al-Mufasssir Wa al-Syai'r al-Lughawiyy*. Kaherah: Majlis al-'Ala al-Shu'un al-Islamiyyah.
- al-Shawabikah, Ahmad. (1989). *Muhammad Rashid Rida Wa Dawruhu Fi al-Hayah al-Fikriyyah Wa al-Siyasah*. Amman: Dar Amman Li Al-Nashr Wa Al-Tawzi'.
- Az-Zarqani, Muhammad al-Abd al-'Azim. (1995). *Manahil Al-'Irfan Fi 'Ulum Al-Qur'an*. Lubnan: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.